

Sidang Dewan Tertinggi

BN pilih calon

BN - 8 10 1990

minggu ini

Oleh MANJA ISMAIL dan
HAJI JAMUDIN IDRIS

KUALA TERENGGANU, Selasa — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) akan mengadakan mesyuaratnya minggu ini bagi membincangkan persiapan pilihanraya umum, termasuk pemilihan calon serta kemungkinan membenarkan parti komponen di Sabah dan Sarawak menggunakan simbol sendiri.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu mengumumkannya berkata, tarikh sebenar mesyuarat berkenaan bagaimanapun belum ditetapkan, tetapi ia mungkin diadakan sebelum mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dijadualkan pada 8 Oktober ini.

"Mesyuarat Dewan Tertinggi BN mungkin awal sedikit kerana kita akan bincang dan dapatkan maklumat daripada parti komponen. Mungkin esok atau lusa kalau kita boleh dapatkan semua komponen," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Seminar Penjaja dan Peniaga Kecil Terengganu anjuran Bank Bumiputra Malaysia Berhad di Wisma Darul Iman di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Dewan Tertinggi BN mungkin membenarkan parti komponennya di Sabah dan Sarawak bertanding menggunakan simbol sendiri di kedua-dua negeri itu dalam pilihanraya umum nanti.

Menurutnya, soal penggunaan simbol di kedua-dua negeri itu masih belum selesai kerana parti komponen terbabit tidak berminat menerima simbol BN berikutan mereka akan bertanding melawan sesama mereka.

"Sehubungan itu, soal ini akan dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN nanti," katanya sambil mengesahkan beliau akan melawat Sarawak dan Sabah pada 12 dan 13 Oktober ini.

Kata Perdana Menteri: "Kita mempunyai sedikit masalah di sana kerana dia orang berpecah. Jadi jika saya bercakap kepada satu pihak, mungkin satu pihak lain berasa tidak seronok."

Dua komponen BN di Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Usno sebelum ini menyuarakan hasrat hendak menggunakan simbol sendiri manakala Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang menjadi pembangkang di Sarawak turut menyatakan minat itu.

Mengenai mesyuarat MT Umno, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ia secara tidak langsung akan membincangkan dasar pemilihan calon. Bagaimanapun, keputusan muktamad mengenai calon Umno akan dibuat selepas rundingan dibuat dengan semua ketua Badan Perhubungan Negeri.

Bagi calon parti komponen lain seperti MCA, MIC dan Gerakan, beliau berkata, ia akan dibincangkan dengan mereka dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN nanti.

Menurutnya, senarai calon parti terbabit yang diserahkan kepada beliau sebelum ini belum muktamad.

Beliau berkata, walaupun BN yakin mampu mendapatkan semula majoriti dua pertiga dalam pilihanraya umum nanti, semua parti komponen perlu bekerja kuat dan berusaha sedaya mungkin untuk mencapai kemenangan.

"Kita tidak boleh anggap apabila sesuatu kawasan itu selamat, kita tidak perlu bekerja keras. Kita mahu kemenangan itu tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak dan supaya rakyat sendiri yakin dengan kewibawaan kerajaan memerintah," katanya.